TAKRIF TERKINI LELAKI MUDA
MAC 2013 | VOL.138 | RM6.00

# MASKULIN



BAHAYA GUNA UBAT SEKS & BENARKAH AKTIF GIM BOLEH MANDUL?

PENCARIAN LELAKI MASKULIN 2013/2014

**22** SELEKSI GAYA & ITEM FESYEN AKTIF

+

FORMULA DR.AZIZAN
7 PRINSIP KERAMAT BERANI CAPAI KEJAYAAN DAN KEKAYAAN

"AKHIRNYA SAYA TEMUI SEMANGAT & KEKUATAN"
*- ADI PUTRA*

## RAHSIA TUBUH SIHAT CERGAS

- JADI KUAT DENGAN KAYAK DAN PANJAT DINDING
- TRANSFORMASI BENTUK BADAN UNTUK SI KURUS & SI GEMUK
- INSPIRASI KEKAL CERGAS BEROTOT
- MENU DIET RINGKAS TAPI MENYIHATKAN

MENANG!


*ALBUM TERBARU PHILLIP PHILLIPS, WHITNEY HOUSTON & PITBULL*

ISSN 1675-0497
03
9 771675 049052
www.karangkraf.com/maskulin





**HUGO BOSS**

Sekali lagi, jenama terkenal Hugo Boss bekerjasama dengan pemandu F1 pasukan Vodafone McLaren Mercedes, Jensen Button untuk memperkenalkan koleksi Jensen Button dalam BOSS McLaren 2013. Untuk kempen koleksi ini, penggambaran telah dilakukan di suatu tempat penuh menakjubkan iaitu di bawah London Tower Bridge, hasil kreativiti Hunter dan Gatti. Koleksi kali ini lebih kasual dan penuh elegan.





**FERAUD**

Berinspirasi gaya kekal sepanjang zaman dan fesyen masyarakat di Paris, jenama Feraud menampilkan koleksi terbaru bertemakan 'Timeless Classics'. Rekaan kali ini dicipta untuk golongan profesional yang menghargai kualiti dan gaya, untuk tampil sentiasa segak bergaya. Mainan *palet* warna putih, kelabu, biru dan hitam, diserlahkan juga dengan warna berani seperti oren, ungu dan merah. Manakala fabrik kapas serta sutera membuatkan penampilan lebih segar. Selain rekaan pakaian formal klasik, Feraud juga menampilkan segmen kasual yang selesa.



**CROCS**

Tampil dengan gaya lebih *funky* apabila menyarungkan Crocs™ Retro terbaru. Bakal menyerlahkan gaya *old school* yang penuh selesa dalam apa jua acara atau situasi. Sesuai untuk anda yang lebih peka fesyen terkini. Rekaan terbaru ini direka dengan getah tahan lasak, tapak *herringbone* untuk cengkaman lebih kuat dan semestinya menggunakan material selesa Croslite™. Ringan, *sporty* dan bergaya.